

Rujuk krisis Rohingya ke ICC

BERITA HARIAN 29/4/18 M/S 34

#tanganRohingya



Fakta
nombor

700,000

ETNIK

Rohingya lari
ke Bangladesh

➔ Majlis Keselamatan PBB perlu keluar resolusi supaya Myanmar tidak terlepas, gesa sekatan senjata

► Yangon

Kumpulan Human Rights Watch (HRW), menggesa krisis etnik Rohingya Myanmar dirujuk ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), sempena kunjungan delegasi Majlis

Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke negara itu minggu depan.

Myanmar terus berdepan tekanan sejak kempen ketenteraan dilancarkan Ogos lalu memaksa lebih 700,000 Muslim Rohingya lari ke Bangladesh.

Terima laporan berterusan

PBB turut menerima laporan konsisten membabitkan pembunuhan, pemerkosaan, pembakaran kampung dan serangan oleh anggota keselamatan dan penduduk tempatan.

Namun tentera Myanmar berte gas, kempen itu menyasar pemberebontak Rohingya yang menyerang pengawal sempadan dan membunuh puluhan anggota polis.

Delegasi PBB akan mengunjungi pelarian di kem Bangladesh terlebih dulu sebelum ke Myanmar awal minggu depan bagi meninjau kawasan konflik di Rakhine.

Mereka juga dijangka bertemu

pemimpin de-facto Myanmar, Aung San Suu Kyi yang dikedam Barat kerana gagal membela etnik tertindas itu.

Pengarah Eksekutif HRW, Kenneth Roth memberitahu wartawan di sini, Majlis Keselamatan PBB seharusnya mengeluarkan satu resolusi untuk mengheret Myanmar ke ICC, atau tiada siapa akan dipertanggungjawabkan.

"Ketiadaan resolusi Majlis Keselamatan menyebabkan kerajaan Myanmar yakin ia terlepas daripada dakwaan pembunuhan beramai-ramai," katanya.

Beliau juga menggesa sekatan khusus dikenakan ke atas senjata dan penjenayah.

Myanmar menolak hampir semua tuduhan pasukan keselamatannya melakukan kekejaman di Rakhine.

Awal bulan ini ia menolak percubaan ICC bagi membuka siasatan terhadap krisis berkenaan, mengatakan ia di luar bidang kuasa mahkamah itu.

Myanmar mengambil masa berbulan untuk membenarkan lawatan berkenaan selepas PBB menuduh negara majoriti penganut Buddha itu melakukan pembersihan etnik di Rakhine.

Delegasi Majlis Keselamatan ke Bangladesh dan Myanmar itu diketuai Britain, Peru dan Kuwait.

Majlis itu menerima satu kenyataan November lalu yang menggesa Myanmar mengekang tenteranya, namun tiada resolusi, yang mungkin berdepan bantahan daripada China.

Namun Roth berkata, perkara ini tidak seharusnya diandaikan.

"Jika China mahu memveto, ia perlu membayar harga untuk mengembalikan jenayah terhadap kemanusiaan dilakukan ke atas Rohingya," katanya.

Bangladesh dan Myanmar sudah menandatangani satu perjanjian kepulauan untuk pelarian namun tiada etnik Rohingya kembali dari kem di seberang sempadan, bimbang tiada jaminan keselamatan di tanah air. **AFP**

[FOTO AFP]



Pelarian Rohingya berkumpul berhampiran kawasan penempatan di tanah terbiar di belakang garisan sempadan dilingkari kawat duri di Maungdaw, Rakhine bersempadanan Bangladesh.